

**PAS Tolak Cadangan SPR Mansuh Perarakan Semasa Penamaan Calon
Bernama
20 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- PAS menolak cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya perarakan semasa hari penamaan calon pilihan raya dimansuhkan dalam pilihan raya umum akan datang.

Presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata tiada sebarang alasan yang munasabah diberikan untuk memansuhkan perarakan ini khususnya daripada sudut keselamatan.

"Perarakan calon semasa penamaan calon pilihan raya sudah dilaksanakan sejak sebelum merdeka lagi dan telah menjadi sebahagian dari proses demokrasi berpilihan raya di dalam negara kita ini," katanya dalam kenyataan melalui laman sesawang rasmi parti itu.

Pada 1 Feb lepas, SPR mahu menghentikan amalan calon yang bertanding pada pilihan raya membawa kumpulan penyokong dalam jumlah yang besar pada hari penamaan calon.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dipetik sebagai berkata perarakan mengiringi calon ke pusat penamaan calon sepatutnya dimansuhkan bagi memastikan suasana aman pada hari berkenaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=646799>